




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 493 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 39,453 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di Daerah Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 210 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 36,146 orang. Sejumlah 2,457 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 710 orang di hospital dan 1,747 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 62 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beaufort dan Kota Marudu berubah dari zon jingga ke zon merah. Manakala Daerah Beluran bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 493 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 363 kes (73.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 49 kes (9.9%), saringan tempat kerja 19 kes (3.9%), saringan kendiri 15 kes (3%), saringan pra kemasukan wad 10 kes (2%), saringan kluster-kluster sedia ada lapan (8) kes (1.6%), dan 29 kes (5.9%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 957 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,557 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,514 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 37.72%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **314,132** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **96%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96%
2	Kota Belud	96%
3	Kota Kinabalu	96%
4	Kinabatangan	96%
5	Kudat	96%
6	Beaufort	96%
7	Kunak	96%
8	Semporna	96%
9	Penampang	96%
10	Papar	96%
11	Kota Marudu	96%
12	Beluran	96%
13	Sandakan	96%
14	Ranau	96%
15	Lahad Datu	96%
16	Tuaran	96%
17	Keningau	96%
18	Tenom	96%
19	Tawau	96%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis di empat (4) daerah iaitu Tawau, Lahad Datu, Keningau dan Semporna.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 116 lokasi di 20 daerah. Hebahen dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

**Bersama-sama kita memainkan peranan serta bertanggungjawab untuk terus membendung penularan pandemik COVID-19 dengan terus mematuhi SOP dan tidak berasa selesa kerana keadaan masih belum reda sepenuhnya.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
7 Januari 2021